

PENGGUNAAN KAEDAH “4NADC” DALAM TOPIK PERAKAUNAN ASET BUKAN SEMASA PELAJAR DIPLOMA PERAKAUNAN SEMESTER 2 SESI 2 2022/2023

Razlina binti Romli, Mohd Redzuan Zulkiflee, Nurul Huda binti Yahya
Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah.

Abstrak: Kursus *Financial Accounting 2* merupakan kursus teras dan merupakan kursus wajib lulus bagi pelajar Diploma Perakaunan semester 2 Jabatan Perdagangan. Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengenalpasti adakah penggunaan kaedah “4NADC” dapat mengatasi kemerosotan pelajar dalam penilaian kursus *Financial Accounting 2*. Daripada tinjauan, pelajar yang mengalami kegagalan dalam penilaian berterusan dan peperiksaan akhir adalah disebabkan pelajar tidak dapat menjawab soalan di dalam topik tiga iaitu perakaunan perakaunan aset bukan semasa, ini menyebabkan markah yang dibawa semasa penilaian berterusan adalah rendah dan memberi kesan yang besar keatas keseluruhan markah. Topik ini merupakan topik yang berulang kali diuji di dalam penilaian kursus *Financial Accounting 2*. Kaedah yang digunakan adalah kaedah yang merangkumi cara menjawab soalan dengan penyusunan maklumat melalui soalan iaitu “4 column, Name of the asset, Acquired, Disposal, Cost” atau singkatannya adalah 4NADC. Pelajar akan menyusun maklumat di dalam soalan berdasarkan 4NADC sebelum jumlah pengiraan dipindahkan ke dalam akaun perakaunan perakaunan aset bukan semasa. Tinjauan awal dilakukan melalui keputusan penilaian berterusan pelajar sesi 1 2022/2023. Keputusan mendapati tahap penguasaan menjawab soalan tidak melepasi sasaran kursus iaitu di bawah paras lima puluh peratus. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti keberkesanan 4NADC dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Hasil kajian menunjukkan keberkesanan 4NADC telah membantu pelajar dalam pencapaian penilaian berterusan sesi 2 2022/2023. Oleh itu, penggunaan 4NADC memberi impak yang positif bagi pelajar memahami cara menjawab khususnya bagi kursus *Financial Accounting 2*.

Kata Kunci: kaedah pengajaran dan pembelajaran, 4NADC, perakaunan perakaunan aset bukan semasa

1.0 Pengenalan

Topik Perakaunan perakaunan aset bukan semasa merupakan topik ketiga di dalam kursus DPA20033 *Financial Accounting 2*. Kursus ini adalah kursus wajib pelajar Diploma Perakaunan semester 2 dan merupakan pra syarat kepada kursus *Financial Accounting 3*. Kajian ini dilaksanakan keatas pelajar semester 2 sesi 2 2022/2023 melalui perbandingan penilaian berterusan pelajar semester 2 sesi 1 2021/2022 sehingga 2 2022/2023. Perakaunan aset bukan semasa atau lebih dikenali dikalangan pelajar sebagai perakaunan aset tetap adalah topik yang menjadi kegemaran untuk diuji sama ada di dalam penilaian berterusan atau penilaian akhir. Ini dapat dilihat apabila topik ini diuji di dalam penilaian berterusan, bahagian latihan praktikal yang membawa markah sebanyak 10% serta kerap diuji didalam peperiksaan akhir. Penyelidik membuat tinjauan bahawa topik perakaunan perakaunan aset bukan semasa adalah topik yang setiap semester agak susah difahami serta dijawab kerana terlalu banyak pengiraan yang perlu disediakan sebelum menyediakan akaun akhir. Soalan perakaunan untuk

perakaunan aset bukan semasa mengambil masa yang agak lama untuk dijawab kerana pengiraan yang agak panjang. Kajian oleh Nicole Outsen dan Stephanie Yulga (2002) menunjukkan bahawa soalan kefahaman membantu pelajar merespons strategi pensyarah dan meningkatkan pemahaman soalan. Namun, kebanyakan pelajar menghadapi kesukaran dengan soalan. Justeru, menyebabkan pelajar mengambil jalan pintas untuk lebih menumpukan soalan yang lebih mudah.

Di dalam topik ini, ketelitian dan penyusunan maklumat perlu dititikberatkan. Pelajar perlu membaca soalan yang diuji serta mengira setiap susut nilai aset berdasarkan kehendak soalan. Menurut Khairul Azmi dan Ab.Halim (2007) teknik pengajaran merujuk kepada cara melaksanakan kaedah tertentu berdasarkan beberapa langkah yang diambil dalam pengajaran. Penyelidik telah memperkenalkan kaedah 4NADC bagi memudahkan pelajar menyusun maklumat berdasarkan jadual yang disediakan. Kaedah ini diadaptasikan oleh penyelidik sebagai salah satu langkah memudahkan pelajar menjawab soalan. Dalam kaedah 4NADC, pelajar akan membina jadual bagi membolehkan penyusunan awal maklumat dalam soalan dilakukan. Pada permulaan soalan, pelajar perlu mengenalpasti kehendak soalan sebelum membina jadual. Ini lebih memudahkan pelajar membentuk jadual pengiraan susutnilai yang teratur dan tepat.

Kaedah 4NADC ini adalah langkah pertama yang boleh dilakukan oleh pelajar ketika menjawab soalan. Penyelidik telah mengenalpasti cara mudah selain dari ketelitian pelajar untuk menjawab soalan perakaunan aset bukan semasa kerana melibatkan maklumat aset berkumpulan yang pelbagai serta maklumat soalan yang agak banyak dan panjang. Kaedah 4NADC ini membolehkan pelajar mengenalpasti maklumat penting setiap aset sebelum membuat pengiraan susutnilai sama ada susut nilai kaedah garis lurus atau kaedah baki berkurangan. Dengan menggunakan kaedah ini, pelajar dapat mengelakkan daripada tertinggal maklumat penting yang diperlukan untuk menyediakan akaun perakaunan aset bukan semasa.

Pada permulaan awal penggunaan kaedah 4NADC ini, pelajar akan membina 4 baris jadual berserta tarikh mengikut tahun perakaunan semasa syarikat. Pada lajur pertama baris, pelajar akan mengenalpasti nama aset tetap yang pertama perlu disenaraikan “name of the asset”, diikuti aset-aset lain yang perlu dikira berdasarkan maklumat soalan. Pada lajur kedua pelajar akan memasukkan tarikh aset tetap yang diperolehi iaitu “date of acquired”. Tarikh tersebut dapat menentukan pengiraan susutnilai tahun pertama aset yang disenaraikan dalam lajur pertama. Pada lajur ketiga, pelajar akan mengenalpasti maklumat sama ada aset tetap

tersebut dihapuskan atau tidak dihapuskan iaitu “date of disposal”, penghapusan aset tetap oleh syarikat unuk digantikan dengan aset baru atau terus dibuang sebagai pelupusan aset. Pada lajur terakhir iaitu lajur keempat iaitu “cost”, pelajar akan memasukkan maklumat harga kos aset tetap berpandukan harga asal aset tetap semasa ia diperoleh iaitu kos sejarah.

Penyelidik percaya melalui kaedah 4NADC ini para pelajar akan lebih menumpukan topik ini kerana memudahkan pengiraan makluman soalan berkenaan aset tetap sekali gus memudahkan pelajar memindahkan maklumat ke akaun yang perlu disediakan. Pelajar juga seterusnya dapat memahami konsep pembelajaran dengan lebih baik. Kaedah ini juga secara tidak langsung memperkembangkan potensi dan melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif yang mampu berfikir pada aras tinggi sekaligus mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara (Sidek, 2013). Model kajian tindakan yang digunakan adalah Model Somekh (1989).

Name of the asset	Machine A	Machine B
Date of acquired	1 Januari 2020	13 November 2022
Date of disposal	31 December 2023	-
Cost	RM50,000	RM70,000

Jadual 1 : Kaedah 4NADC

2.0 Fokus Kajian

Fokus kajian ini adalah meningkatkan pemahaman pelajar kursus DPA20033 Financial Accounting 2 dalam topik “Accounting for non-current assets”. Penyelidik berpendapat penggunaan kaedah 4NADC yang diperkenalkan oleh penyelidik sendiri dapat meningkatkan kefahaman pelajar menjawab soalan perakaunan untuk perakaunan aset bukan semasa.

3.0 Objektif Kajian

3.1 Objektif am

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peningkatan pemahaman pelajar kursus DPA20033 dengan penggunaan kaedah 4NADC

3.2 Objektif Khusus


- 3.2.1 Meningkatkan pemahaman topik perakaunan aset bukan semasa
- 3.3.2 Meningkatkan penguasaan dalam menjawab soalan berkaitan perakaunan bukan aset semasa.

4.0 Kumpulan Sasaran

Kumpulan kajian ini terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan, POLIMAS. Responden adalah terdiri dari pelajar Diploma Perakaunan (DAT) semester dua. Seramai 24 orang pelajar adalah terlibat dalam kajian ini.

5.0 Pelaksanaan Kajian

Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kajian tindakan yang diperkenalkan oleh Somekh (1989). Model kajian tindakan ini melibatkan lapan peringkat. Peringkat pertama ada mengenalpasti masalah, dimana penyelidik mengenal fokus kajian yang akan digunakan sebagai kajian tindakan. Setelah mengenalpasti fokus kajian tersebut, penyelidik akan mengumpul data bagi melengkapkan proses penyelidikan. Langkah seterusnya ialah menganalisis data dan membentuk hipotesis. Setelah hipotesis dibuat, penyelidik akan merancang pelan tindakan berdasarkan kesesuaian hipotesis yang dihasilkan. Pelan tindakan yang telah dirancang kemudiannya akan dilaksanakan diikuti dengan pengumpulan data bagi mengesan perubahan terhadap hasil pelan tindakan yang telah dibuat. Pada peringkat seterusnya, penyelidik akan menganalisis serta menilai hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan. Peringkat seterusnya penyelidik boleh mengambil langkah baru jika hasil untuk peringkat kajian yang seterusnya. Model kajian tindakan ini dipilih kerana ia meliputi langkah sistematik yang merupakan kekuatan kekuatan model Somekh (1989). Setiap langkah diperjelaskan dengan terperinci. Berikut merupakan model kajian tindakan yang telah dilaksanakan oleh penyelidik pada Rajah 1.0



Rajah 1.0 : Kitaran aktiviti kajian model Somekh (1989). Kaedah 4NADC

Peringkat 1: Mengenalpasti masalah pelajar yang mengambil kursus DPA20033

Berdasarkan tinjauan, pelajar mengalami kesukaran bagi menjawab soalan di topik 3 iaitu perakaunan aset bukan semasa, dimana ianya dapat dilihat dari penurunan skor di bahagian penilaian berterusan iaitu latihan praktikal yang membawa keseluruhan sebanyak sepuluh peratus. Selain dari itu, data pada semester 1 2022/2023 iaitu pada Rajah 2.0 menunjukkan CLO2P berada dibawah paras sasaran 42.9% dibawah paras 50% berbanding CLO1C dan CLO3A. Rajah 3 menunjukkan topik 3 yang diuji di dalam CLO2P iaitu topik perakaunan aset bukan semasa. Markah yang dibawa ke penilaian berterusan memberi kesan yang agak besar keatas keseluruhan markah.

COURSE LEARNING OUTCOME									
CLO	CONTENT	SECTION							GROUP ATTAINMENT (%)
		DAT2A	DAT2B	DAT3A	DAT3B	DAT3C	DAT4A	DAT4B	
CLO01C	Apply relevant accounting treatment in compliance with Approved Accounting Standards	54	65	51	44	58	40	55	52.4
CLO02P	Prepare financial statement by interpreting the financial and non-financial information with the relevant Approved Accounting Standards	44	61	51	42	45	26	31	42.9
CLO03A	Explain comprehensively the related Approved Accounting Standards in preparing relevant financial statements	86	92	87	87	86	87	89	87.7

Rajah 2.0: Course learning outcome sesi 1 2022/2023

Prepare financial statement by interpreting the financial CLO2 : and non-financial information with the relevant Approved Accounting Standards	3	3a	P2	Group Discussion / Activity					•		14	T3
--	---	----	----	-----------------------------	--	--	--	--	---	--	----	----

Rajah 3.0: Course assessment DPA20033 Financial Accounting 2

Peringkat 2: Mengumpul data pencapaian pelajar yang mengambil kursus DPA20033

Pengumpulan data sesi 1 2022/2023 bagi kursus DPA20033 Perakaunan kewangan 2 menunjukkan pelajar lemah dari segi cara menjawab soalan topik 3. Ini memberi kesan terhadap peratusan penilaian berterusan. Kelemahan ini pada masa yang sama menyebabkan pelajar tidak dapat menjawab soalan topik 3 di dalam peperiksaan akhir. Penyelidik memfokuskan topik 3 sebagai subjek kajian untuk menguji tahap pemahaman apabila kaedah 4NADC diperkenalkan. Sampel adalah terdiri daripada 24 orang pelajar semester 2 yang mengambil kursus perakaunan kewangan 2 sesi 2 2022/2023. Dengan melibatkan sampel sebanyak 24 orang pelajar ini, ia memberikan gambaran jelas pencapaian tentang objektif kajian sekaligus kepada kajian awal tindakan terhadap kaedah 4NADC yang membolehkan penyelidik membuat peningkatan kajian yang seterusnya.

Peringkat 3: Menganalisis data pencapaian pelajar dan membina hipotesis

Bagi menganalisis data berkenaan pencapaian pelajar, penyelidik membandingkan pencapaian pelajar bagi sesi 1 2021/2022, sesi 2 2021/2022 dan sesi 1 2022/2023 untuk penilaian berterusan latihan praktikal topik 3 iaitu perakaunan aset bukan semasa. Berikut adalah pencapaian bagi sesi terlibat:

Jadual 1 : Perbandingan analisis data keputusan penilaian berterusan latihan praktikal

	Purata Markah	Jumlah pelajar mencapai $\geq 50\%$	Jumlah pelajar mencapai $< 50\%$
Sesi 1 2021/2022	70.3	22	7
Sesi 2 2021/2022	62.9	23	11
Sesi 1 2022/2023	60.9	14	13

Berdasarkan data daripada ketiga-tiga sesi diatas, dapat dilihat apabila purata markah yang diperoleh oleh pelajar semakin menurun bagi setiap semester. Terdapat peningkatan yang agak ketara bagi pelajar yang mencapai kurang dari 50% bagi sesi 2 2021/2022 dan sesi 1 2022/2023. Penurunan juga dapat dilihat dari segi purata markah bagi setiap pelajar. Hal ini menunjukkan pelajar tidak dapat menjawab soalan latihan praktikal bagi topik perakaunan aset bukan semasa dengan baik, penguasaan bagi menjawab soalan yang diberikan juga masih ditahap yang minimum. Selain daripada pemantauan yang dibuat berdasarkan peratusan penilaian berterusan. Penyelidik juga membuat tinjauan melalui latihan yang dilaksanakan di dalam kelas. Pelajar masih memerlukan bantuan tenaga pengajar bagi membantu mereka menjawab soalan dengan mudah. Dengan itu, penyelidik perlu membuat kajian tindakan untuk mengatasi masalah kefahaman dalam menjawab soalan perakaunan aset bukan semasa.

Peringkat 4: Merancang kaedah 4NADC kepada pelajar

Kaedah 4NADC telah dihasilkan apabila penyelidik mengenalpasti punca masalah apabila pelajar kurang memahami mengenai cara pengiraan susut nilai secara teratur dan sistematik. Ini menyebabkan pelajar tidak berminat untuk menjawab soalan dari topik ini disebabkan pengiraan yang agak banyak dan kesilapan pengiraan boleh menyebabkan pelajar hilang markah dengan mudah. Pada asalnya, pelajar hanya didedahkan cara pengiraan biasa susut nilai berdasarkan soalan yang diberikan. Soalan dalam perakaunan aset bukan semasa mempunyai pelbagai jenis kumpulan aset. Di dalam kumpulan aset tersebut terdapat aset-aset lain yang perlu dikira satu persatu. Disebabkan itu, pelajar menganggap pengiraan tersebut tidak setimpal dengan markah yang diberikan.

Kajian tindakan mengenai 4NADC adalah dengan menggunakan susunan maklumat secara teratur disamping mengelakkan daripada pelajar tertinggal maklumat penting dalam soalan. Pelajar-pelajar terlibat akan diberikan penerangan tentang bagaimana cara mereka mengadaptasikan maklumat dari soalan untuk setiap maklumat penting aset tetap dan dimasukkan ke dalam jadual 4NADC.

Selain dari itu, pelajar akan diberikan soalan berbentuk peperiksaan akhir. Setiap soalan ini diberikan sebagai persediaan mereka menjawab latihan praktikal dan soalan peperiksaan akhir. Latihan yang berulang ulang kali dilakukan oleh pelajar ini membolehkan mereka lebih yakin menjawab soalan perakaunan aset bukan semasa,

Peringkat 5: Melaksanakan kaedah 4NADC

Bagi melaksanakan kaedah 4NADC ini. Penyelidik menjalankan kajian keatas pelajar sesi semasa semester 2 yang mengambil kursus DPA20033. Pada permulaanya, pelajar akan didedahkan berkenaan konsep perakaunan bukan aset semasa. Formula dan cara pengiraan asas susutnilai jugak akan diterangkan secara jelas supaya mudah difahami oleh pelajar. Pelajar perlu menguasai cara pengiraan susutnilai yang utama iaitu pengiraan secara kaedah garis lurus dan pengiraan melalui kaedah baki berkurangan. Setelah memahami konsep asas. Pelajar akan diberikan latihan mudah untuk dijawab secara perbincangan di dalam kelas.

Fasa berikutnya adalah melalui latihan berbentuk soalan peperiksaan akhir. Soalan akan diberikan kepada pelajar melalui bentuk latihan yang pelbagai. Ini membolehkan pelajar dapat menguasai jenis soalan yang diuji di dalam latihan praktikal dan peperiksaan akhir. Disamping itu, pelajar dapat menggunakan kaedah pengiraan 4NADC ini didalam kursus perakaunan yang memerlukan pengiraan susutnilai aset tetap. Pelajar yang masih lemah tahap penguasaanya akan disarankan membuat latihan berulang-ulang kali bagi membolehkan pelajar memahami setiap jalan kerja soalan.

Setelah pelajar diberikan pendedahan soalan yang pelbagai. Pelajar akan diberikan kuiz secara spontan. Kuiz ini membolehkan pensyarah mengenalpasti tahap kefahaman pelajar setelah menggunakan kaedah 4NADC. Pensyarah akan terus membimbing pelajar yang lemah dalam menjawab soalan dan mengenalpasti di mana tahap mereka berada sebelum beralih ke topik berikutnya.

Peringkat 6: Mengumpul data bagi mengesan perubahan pencapaian penggunaan kaedah 4NADC

Berdasarkan keputusan analisa data bagi kedua-dua sesi menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Ini dapat dilihat daripada pencapaian pelajar yang mencapai markah lebih 50% seramai 23 orang lulus pada sesi 2 2022/2023 berbanding hanya 14 orang yang lulus pada sesi 1 2022/2023. Purata markah juga menunjukkan kenaikan peratusan yang agak tinggi iaitu 21.2%.


Pemerhatian telah dibuat sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar semester 2 yang mengambil kursus DPA20033. Berdasarkan pemerhatian, pelajar didapati mudah menerima kaedah 4NADC kerana ia memudahkan pelajar menyusun maklumat secara teratur bagi setiap pengiraan aset yang perlu dilakukan. Penglibatan pelajar didalam dan di luar kelas semasa menjawab latihan tambahan yang diberikan dilihat aktif dan pelajar banyak bertanya sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pelajar juga dilihat seronok apabila diberikan latihan yang mudah untuk dijawab.

Peningkatan dapat dilihat apabila pelajar mula mengadaptasikan penggunaan 4NADC pada semester 2 2022/2023 berbanding hanya melakukan pengiraan biasa cara kerja (Jadual 2). Hal ini menunjukkan pelajar cenderung menyusun atur maklumat secara sistematik bagi pengiraan susut nilai perakaunan aset bukan semasa sebelum memindahkan jumlah pengiraan ke akaun setiap aset. Walaupun begitu penyelidik masih perlu memperbaiki cara penyusunan maklumat dari soalan bagi setiap aset dalam kaedah 4NADC supaya lebih mudah difahami oleh pelajar.

Jadual 2 : Perbandingan analisis data keputusan penilaian berterusan latihan pratikal

	Purata Markah	Jumlah pelajar mencapai $\geq 50\%$	Jumlah pelajar mencapai $< 50\%$
Sesi 1 2021/2022	70.3	22	7
Sesi 2 2021/2022	62.9	23	11
Sesi 1 2022/2023	60.9	14	13
Sesi 2 2022/2023	82.1	23	1

Peringkat 7: Menganalisis pencapaian pelajar dan membentuk hipotesis




Rajah 4.0 : Graf perbandingan purata markah setiap sesi

Perbandingan purata markah bagi setiap sesi dilaksanakan bagi menganalisis pencapaian pelajar apabila menggunakan kaedah 4NADC. Rajah 4.0 menunjukkan graf perbandingan bagi sesi 1 2021/2022 yang menunjukkan purata 70.3 %, penurunan purata markah dapat dilihat pada sesi 2 2021/2022 iaitu 62.9% dan sedikit penurunan dapat dilihat pada sesi berikutnya iaitu sesi 1 2022/2023 iaitu 60.9%. Terdapat peningkatan yang agak ketara apabila pensyarah mengaplikasikan kaedah 4NADC pada sesi 2 2022/202 iaitu 82.1%. Hampir keseluruhan pelajar mendapat peratus 50 dan keatas dan hanya seorang pelajar yang mendapat markah kurang 50% tetapi masih lagi lulus dalam penilaian berterusan yang dijalankan.


Berdasarkan analisis dan dapatan ini, penyelidik berpendapat kaedah 4NADC ini perlu terus dijalankan bagi mengukuhkan dan meningkatkan lagi pemahaman pelajar dalam topik perakaunan aset bukan semasa terutama dalam penilaian latihan praktikal yang membawa jumlah markah yang agak banyak iaitu 10% keseluruhannya disamping memudahkan pelajar menjawab soalan peperiksaan akhir nanti.

6.0 Analisis Data dan Hasil Dapatan



Rajah 5.0 : Graf CLO sesi 1 2022/2023

Rajah 5 menunjukkan pencapaian pelajar pada sesi 1 2022/2023 dimana purata pencapaian pelajar untuk CLO1C adalah sebanyak 65% manakala jumlah pencapaian lebih dari 50% adalah sebanyak 83% dan sebanyak 17% bagi pencapaian kurang 50%. Pencapaian purata bagi CLO2P pula adalah sebanyak 61% dan hanya sebanyak 58% bagi pencapaian melebihi 50% dan sebanyak 42% pencapaian kurang dari 50%. CLO3A pula merekodkan sebanyak 92% purata pencapaian, manakala 100% pencapaian melebihi markah 50% dan tiada pelajar yang mendapat pencapaian dibawah 50% bagi CLO3A.



Rajah 6.0 : Graf CLO sesi 2 2022/2023

Rajah 6 pula menunjukkan pencapaian pelajar bagi sesi 2 2022/2023. Sebanyak 79% jumlah purata markah pelajar dan 100% pelajar mendapat markah melebihi 50% dan tiada pelajar mendapat markah kurang dari 50%. CLO2P merekodkan purata markah sebanyak 82% dan sebanyak 96% pelajar mendapat markah melebihi 50% dan hanya 4% pelajar mendapat markah kurang dari 50%. Bagi CLO3P pula, purata markah yang dicatatkan adalah sebanyak 90%. 100% pelajar mendapat markah melebihi 50% dan tiada pelajar mendapat markah kurang dari 50%.

7.0 Perbincangan dan Kesimpulan

Daripada hasil dapatan yang telah dinyatakan dapat disimpulkan bahawa kaedah 4NADC adalah sangat berkesan dalam meningkatkan kefahaman pelajar dalam menyelesaikan soalan yang diberikan, terutamanya adalah soalan topik 3. Ini bermakna kesemua objektif telah tercapai dengan jayanya, ini dapat dilihat dengan berlakunya peningkatan markah yang sangat ketara jika dibandingkan dengan sesi 1 2022/2023 dan sesi 2 2022/2023. Penyelidik mendapati bahawa kaedah 4NADC dapat meningkatkan pemahaman topik perakaunan aset bukan semasa serta dapat membantu pelajar dalam menjawab dan menyelesaikan permasalahan dalam soalan topik 3 iaitu soalan berkaitan perakuan bukan aset semasa. Ini telah dibuktikan dengan hasil dapatan yang dibincangkan. Walau bagaimana pun terdapat seorang pelajar yang mendapat markah kurang daripada 50% dan ini diatasi dengan lebih memberikan penerangan dan latihan bagi memahirkan pelajar dengan kaedah 4NADC. Penyelidik yakin bahawa semester 1 2023/2024 yang akan datang dapat mencatatkan peningkatan markah yang lebih tinggi berbanding sebelumnya.

RUJUKAN

- Khairul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM.
- Muhamad Sidek Said. (2013). Aplikasi menggunakan „thinking map“ dalam program praktikum KPLD Di Tadika Yayasan Islam Terengganu, Seberang Takir, Kuala

Terengganu. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kajian Tindakan Peringkat Kebangsaan, Tanjung Vista Hotel, Kuala Terengganu, 23-25 April 2013.

Nicole Outsen & Stephanie Yulga (2002). *Teaching Comprehension Strategies All Readers Need*. New York : Scholastic Professional Books.

Othman Lebar. (2015). *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan. Teori Dan Amalan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rosnida Mansor, Haeidatul Nashrah, Norazilawati, Nik Azmah (2015). *Penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Nombor dan Operasi KSSR Tahun 3 bagi tajuk Darab dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tahun 3*. Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia vol.5 No.2 Jun 2015 / Issn 2232-0393